

# Syarat & Peraturan Program

## Penganjur & Kelayakan

- 1 PROGRAM PENEBUSAN NESCAFÉ DULU BARULAH JADI ("Program") ini dianjurkan oleh Nestlé Products Sdn. Bhd. [45229-H] ("Pihak Penganjur").
- 2 Program dianjurkan kesetiaan ini terbuka kepada semua penduduk Malaysia yang yang berusia 18 tahun dan keatas pada 01/03/2016 dan mempunyai dokumen pengenalan yang sah [setiap seorang dan secara kolektif "Peserta"]. Pihak Penganjur berhak untuk memohon bukti dokumen pengenalan sah.
- 3 Dibawah Program ini, Peserta boleh menebus premium ["Penebusan"] dan menyertai Peraduan hanya eksklusif di SHELL SELECT ("Peraduan"), tertakluk kepada terma dan syarat disini.

## Tempoh

- 1 Penebusan ini akan dianjurkan dari 01/03/2016 hingga 31/05/2016 ["Tempoh Penebusan"]. Peraduan ini akan dianjurkan dari 01/03/2016 hingga 30/04/2016 ["Tempoh Peraduan"]. Penganjur berhak secara mutlak untuk mengubah, menangguhkan, menjadualkan semula, melanjutkan dan/atau membatalkan Tempoh Penebusan, Tempoh Peraduan dan/atau Program pada bila-bila masa sahaja tanpa memberi notis terlebih dahulu.

## Kaedah Penebusan

- 1 Beli sebarang tin minuman NESCAFÉ yang turut serta dan kumpulan penutup sentap "NES" sebagai bukti pembelian ["BP"] untuk menebus premium ["Premium"] seperti yang ditunjukkan dalam Borang Penebusan ["Borang"]. Sila juga rujuk kepada Borang untuk senarai produk dan jumlah BP yang diperlukan untuk menebus setiap Premium.
- 2 Semua Peserta boleh menebus Premium dengan penukaran BP seperti yang ditunjukkan dalam Borang. Anda hanya boleh menebus satu [1] Premium dalam setiap Borang dalam satu [1] sampul surat. Borang yang mengandungi penebusan melebihi satu [1] Premium akan dibatalkan. Setiap Peserta hanya boleh menebus sebanyak maksimum lima [5] Premium sahaja sepanjang Tempoh Penebusan. Penebusan hanya melalui pos, kiriman tangan dan/atau khidmat kurier sahaja. Tiada penebusan serta-merta.
- 3 Setiap Borang yang dihantar, mesti lengkap diisi dengan butiran yang diperlukan dan disertakan dengan BP yang diperlukan. Borang yang tidak lengkap, tidak boleh dibaca, tidak tepat, Borang dengan BP yang tidak betul dan/atau rosak akan dibatalkan. BP lebih yang dikemukakan tidak akan dipulangkan. Tertakluk kepada fasal 2 diatas, setiap Peserta berhak/layak untuk mengemukakan lebih daripada satu [1] Borang. Salinan Borang diterima.
- 4 Semua Borang mesti dihantar ke alamat yang dinyatakan melalui pos, kiriman tangan, khidmat kurier atau Pos Laju, atas kos dan risiko Peserta sendiri. Bukti pos Borang bukan bukti penerimaan oleh Penganjur. Tiada borang penebusan akan dilayan selepas 31/05/2016.
- 5 Premium akan dihantar ke alamat penghantaran yang diberikan oleh Peserta dalam masa 6 – 8 minggu selepas tarikh turut iaitu 31/05/2016. Pihak Penganjur akan mengambil langkah berhati-hati semasa penghantaran Premium tetapi Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya Premium tidak diterima, lewat dihantar atau rosak semasa dihantar kepada Peserta.
- 6 Sekiranya terdapat kerosakan pengeluaran, Peserta mesti memulangkan Premium tersebut kepada pihak Penganjur, tanpa kerosakan lanjut, dan dalam bungkusan asal untuk digantikan dalam tempoh dua [2] minggu selepas menerima Premium.
- 7 Semua Peserta mesti mematuhi terma dan syarat pihak yang mengatur dan/atau menyediakan Premium dan terma dan syarat yang dikaitkan dengan Premium tersebut, jika ada.
- 8 Pihak Penganjur berhak, atas budi bicara mutlaknyanya, menggantikan mana-mana Premium dengan barangan lain yang senilai dengannya, pada bila-bila masa, tanpa memberi notis terlebih dahulu. Semua Premium ditebus dalam 'keadaan sedia ada' dan tidak boleh ditukarkan dengan wang tunai, kredit, barangan lain atau baucar, sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya.

## Kaedah Peraduan [Hanya di SHELL SELECT Sahaja]

- 1 Peraduan ini eksklusif di SHELL SELECT yang turut serta sahaja dan terbuka kepada Peserta yang menyertai Penebusan.
- 2 Untuk menyertai Peraduan ini, Peserta mesti sertakan bersama Borang dan BP yang berkaitan seperti terma dan syarat Penebusan termasuk resit/'tax invoice' tunggal cetakan rasmi dari SHELL SELECT yang turut serta yang menunjukkan dengan jelas pembelian sebarang tiga [3] tin minuman NESCAFÉ pelbagai varian yang turut serta yang dibeli dalam Tempoh Peraduan sebagai Bukti Pembelian ["BP"] dalam satu [1] sampul surat.
- 3 Semua Borang Penebusan yang disertakan dengan BP layak yang diterima oleh Penganjur sepanjang Tempoh Peraduan, jika diluluskan oleh Penganjur, akan diperuntukkan satu [1] nombor berseri [setiap satu dan secara kolektif "Penyataan Layak"].
- 4 Terdapat dua [2] Hadiah Bonus untuk sembilan [9] minggu berturut-turut. Terdapat sejumlah lapan belas [18] Hadiah Bonus untuk dimenangi sepanjang Tempoh Peraduan. Tempoh minggu adalah seperti berikut: 

• Minggu 1: 01/03 – 07/03/2016	• Minggu 3: 15/03 – 21/03/2016
• Minggu 2: 08/03 – 14/03/2016	• Minggu 5: 29/03 – 04/04/2016
• Minggu 4: 22/03 – 28/03/2016	• Minggu 7: 12/04 – 18/04/2016
• Minggu 6: 05/04 – 11/04/2016	• Minggu 8: 19/04 – 25/04/2016
• Minggu 9: 26/04 – 30/04/2016	
- 5 Nombor berseri yang diperuntukkan bagi Penyataan Layak setiap minggu akan dikira untuk memperoleh jumlah besar yang kemudian akan dibahagikan dengan dua [2] untuk mendapatkan nombor berseri kemenangan bagi Hadiah Bonus setiap minggu. Jika nombor mempunyai nilai peruliharaan, nombor berseri kemenangan akan dibundarkan ke bawah kepada nombor bulat paling dekat, lebih rendah yang dihasilkan daripada pembahagian tersebut. Sebagai contoh: Jika jumlah nombor berseri Penyataan Layak bagi minggu tersebut ialah 89, maka 89 akan dibahagikan dengan 2, yang bersamaan dengan 44.5, yang seterusnya akan dibundarkan ke bawah kepada 44. Nombor penganda dalam kes ini ialah 44. Seramai dua [2] Peserta bagi minggu tersebut yang ditetapkan nombor berseri dengan gandaan 44 iaitu 44 dan 88 akan diisytiharkan sebagai Pemenang Hadiah Bonus bagi minggu tersebut.

- 6 Semua peserta terpilih akan dihubungi melalui telefon yang dilengkapkan di dalam Penyataan Layak dan akan diberikan satu [1] soalan untuk dijawab. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya peserta-peserta terpilih tidak dapat dihubungi diatas sebarang sebab selepas tiga [3] percubaan oleh Pihak Penganjur atau agensiya.
- 7 Untuk memenangi Hadiah Bonus peserta terpilih mesti menjawab soalan dengan betul. Sekiranya peserta terpilih gagal menjawab soalan dengan betul, maka peserta tersebut akan dibatalkan dan nombor berseri selepas nombor berseri peserta yang dibatalkan akan dipilih sebagai gantian.
- 8 Pemenang-pemenang akan memenangi Hadiah Bonus berupa wang tunai Ringgit Malaysia Satu Ribu [RM1000] setiap satu.
- 9 Peserta hanya boleh memenangi satu [1] Hadiah Bonus sepanjang Tempoh Peraduan. Sekiranya ada pemenang berulang, nombor berseri selepas nombor berseri pemenang ulangan akan diisytiharkan sebagai pemenang Hadiah Bonus tersebut.
- 10 Semua pemenang mesti mematuhi terma dan syarat yang ditetapkan oleh pihak yang mengatur dan/atau menyediakan semua Hadiah Bonus dan juga terma dan syarat yang disertakan bersama semua Hadiah Bonus berkenaan, jika ada. Semua Hadiah Bonus mesti dituntut dalam tempoh tiga [3] bulan dari tarikh Hadiah Bonus tersebut untuk dijamai. Semua Hadiah Bonus yang tidak dituntut akan ditarik balik. Senarai pemenang juga akan diumumkan di laman web: [www.nestle.com.my](http://www.nestle.com.my).
- 11 Pemenang akan diberitahu melalui pos. Pihak Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya pemberitahuan menerusi pos kepada pemenang tidak diterima atau lewat diterima. Pihak Penganjur atas budi bicara mutlaknyanya, berhak menggantikan mana-mana Hadiah Bonus dengan Hadiah Bonus lain yang senilai dengannya, pada bila-bila masa, tanpa memberi notis terlebih dahulu. Hadiah Bonus tidak boleh dipindah milik dan semua Hadiah Bonus diberikan dalam 'keadaan sedia ada' dan tidak boleh ditukarkan dengan wang tunai, kredit, barangan lain atau baucar, sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya.

## Liabiliti & Tanggungjawab

- 1 Semua kos pengangkutan, penginapan, kos peribadi dan/atau kos, yuran dan/atau perbelanjaan lain yang berkaitan untuk menyertai Program ini dan menebus Premium dan Hadiah Bonus adalah tanggungjawab Peserta sepenuhnya.
- 2 Peserta akan bertanggungjawab dan menanggung liabiliti sepenuhnya jika berlaku sebarang kerugian, kejadian yang tidak diingini, kecenderaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kehilangan nyawa) akibat mengambil bahagian dalam Program ini, menuntut dan/atau menggunakan Premium dan Hadiah Bonus dan bersetuju untuk melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan pihak Penganjur terhadap sebarang liabiliti.

## Hak Penganjur

- 1 Pihak Penganjur berhak menggunakan nama dan/atau gambar Peserta sebagai bahan untuk tujuan pengiklanan dan/atau perdagangan dan/atau promosi tanpa sebarang notis kepada Peserta dan Peserta tidak berhak membuat tuntutan pemilikan atau mendapat sebarang bentuk pampasan untuk bahan tersebut.

## Perindungan Data

- 1 Dengan menyertai Program, Peserta memberi kebenaran kepada Penganjur dan syarikat gabungannya dan/atau syarikat berkaitannya untuk menggunakan nama, gambar dan imejnya untuk tujuan pengiklanan dan publicity pada masa depan berhubung dengan Program dalam mana-mana dan semua media tanpa sebarang pampasan tambahan, notis atau kebenaran.
- 2 Dengan menyertai Program, Penganjur bersetuju hanya untuk mengumpulkan dan menggunakan data pada Laman Peminat Penganjur dan Laman Web Penganjur dan melindunginya seperti yang ditetapkan di bawah. Bahagian ini juga menggariskan hak Peserta berkaitan dengan perlindungan data, dan memberitahu peserta cara untuk menghubungi Penganjur.
- 3 Pada masa tertentu, Penganjur boleh melantik pihak ketiga untuk memproses butiran peribadi Peserta. Semua pihak ketiga tersebut mempunyai kewajiban di bawah kontrak untuk tidak menggunakan data peribadi Peserta dengan sebarang cara lain kecuali yang ditetapkan di dalam ini.
- 4 Di bawah undang-undang Malaysia, hak Peserta termasuk:
  - (a) hak untuk menarik balik persetujuan anda terhadap penggunaan butiran peribadi anda dengan menghubungi kami di [pdpa@omniteam.com.my](mailto:pdpa@omniteam.com.my) dan memberi kami nama dan alamat e-mel Peserta supaya kami boleh mengeluarkan butiran berkenaan.
  - (b) hak untuk mendapatkan salinan data peribadi mengenai anda yang dipegang oleh pihak kami [kami berhak untuk menagakan sedikit yuran untuk menaunkan hak ini].
  - (c) hak untuk membatalkan data peribadi tidak setuju mengenai anda yang dipegang oleh pihak kami.
- 5 Jika Peserta mahu membangkitkan sebarang isu perlindungan data dengan Penganjur, atau melaksanakan sebarang hak di bawah undang-undang, sila hubungi Penganjur di [pdpa@omniteam.com.my](mailto:pdpa@omniteam.com.my).
- 6 Penganjur mengambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya untuk memastikan data peribadi Peserta terlindung, dan menetapkan syarat kepada pemroses data pihak ketiga untuk berbuat demikian. Perhatian bahawa Penganjur boleh memberikan data peribadi Peserta jika perlu berbuat demikian di bawah undang-undang, menerusi waran geledah, subpoena atau arahan mahkamah.

## Terma & Syarat

- 1 Gambar Premium adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin berbeza daripada barangan sebenar.
- 2 Syarat & Peraturan Program ini disediakan dalam beberapa bahasa. Sekiranya wujud ketidakseragaman antara semua versi tersebut, maka, Syarat & Peraturan Program dalam Bahasa Inggeris yang akan diguna pakai.
- 3 Keputusan pihak Penganjur adalah mutkamad dan sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan.
- 4 Dengan menyertai Program ini, Peserta bersetuju untuk mematuhi dan terikat kepada Syarat dan Peraturan ini, serta keputusan Pihak Penganjur.